

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

UNSUR KOSMOS DALAM KUMPULAN PUISI SELAMAT PULANG JUITA KARYA MUHAMMAD HAJI SALLEH

ELEMENT OF COSMOS IN ANTHOLOGY OF THE POEM SELAMAT PULANG JUITA BY MUHAMMAD HAJI SALLEH

Nabilah binti Mohd Nasir *¹, Ghazali Din ²,
Abdul Razak@Abdulroya Panaemalae ³

¹ Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Emel: nabilahnasir1931@gmail.com

² Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: ghazali_din@fbk.upsi.edu.my

³ ASEAN Studies Program, School of Political Science and Law, University Walailak, Thailand.

Email: pabdul.razak09@gmail.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/100>

Abstract

This paper aims to discuss the authorship of the 6th country writer, Muhammad Haji Salleh. It is undeniable that Muhammad Haji Salleh produced a work containing millions of beautiful verses. Therefore, the objective of this study is to discuss the Element of Cosmos in the Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita, Muhammad Haji Salleh's creation. The Conceptual Theory of Keywords introduced by Mohamad Mokhtar Abu Hassan was used as a theoretical framework in this study. The limitation of this study is the study of the anthology entitled *Homecoming, Juita*. This qualitative research analysis found that Muhammad Hajj Salleh did not miss out on creating poems that contained the cosmic elements, the elements of nature. The emergence of cosmic elements by the author shows that the author has a sensitivity to the environment. Indirectly, this has left an impact on the writing an anthology entitled *Homecoming, Juita* by the authors.

Keywords: Cosmos, keywords, *Selamat Pulang Julita*

Abstrak

Makalah ini bertujuan membincangkan kepengarangan sasterawan negara yang ke-6, iaitu Muhammad Haji Salleh. Sememangnya tidak dinafikan Muhammad Haji Salleh telah menghasilkan karya yang mengandungi jutaan ayat terindah. Oleh itu, objektif kajian ini adalah

untuk mengenal pasti unsur kosmos dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* karya Muhammad Haji Salleh dan mendiskusikan unsur tersebut menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci. Teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan digunakan sebagai kerangka teoritis dalam kajian ini. Batasan kajian ini adalah mengkaji teks *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita*. Analisis kajian yang dilakukan secara kualitatif ini mendapati Muhammad Haji Salleh tidak terlepas daripada mencipta puisi-puisi yang mengandungi unsur kosmos, iaitu unsur alam. Penonjolan unsur kosmos oleh pengarang menunjukkan bahawa pengarang memiliki sensitiviti terhadap persekitaran. Secara tidak langsung hal tersebut telah meninggalkan impak dalam penulisan *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* oleh pengarang.

Kata Kunci: Kosmos, kata kunci, *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita*

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 9th August 2020, revised 30th August 2020, accepted 10th September 2020

Pengenalan

Karya sastera yang indah dan kreatif dihasilkan untuk menyampaikan mesej yang cukup bermakna. Gubahan perkataan demi perkataan menghasilkan susunan ayat yang bukan sahaja boleh dibaca dan dihayati malah boleh dinilai oleh pembaca. Kebiasaannya penilaian utama yang dilakukan sudah tentu akan menjerus kepada aspek estetika dalam karya sastera itu sendiri. Aspek estetika dalam karya-karya kesusasteraan seperti cerpen, novel, puisi, (pantun, syair, gurindam, seloka dan sajak), drama dan sebagainya untuk memantapkan ciptaan karya yang dihasilkan. Tambahan pula, sastera telah lama menjadi sebahagian dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Misalnya, dalam penggunaan peribahasa, bidalan, pepatah dan sebagainya yang mengandungi banyak unsur pengajaran dan nasihat. Pada erti kata yang lebih luas, kesenian bahasa dalam sastera telah lama diguna pakai nenek moyang kita.

Keunggulan estetika karya sastera telah mempengaruhi tingkah laku, adab sopan, dan budi pekerti masyarakat zaman dahulu. Hal ini demikian kerana masyarakat zaman dahulu dilihat menghargai nilai yang terkandung dalam sesebuah karya sastera. Sebagai contoh dalam puisi tradisional, iaitu pantun terkandung maksud tersirat. Jadi berdasarkan maksud tersirat tersebut, masyarakat telah mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Kesannya, moral masyarakat lebih menjerus ke arah kebaikan.

Tidak dinafikan karya sastera moden juga mempunyai ketinggian estetikanya yang tersendiri. Hal ini besangkut paut dengan penghasilan karya sastera yang memiliki pelbagai fungsi dan peranannya. Seiring dengan peredaran zaman teknologi moden, pelbagai mesej ataupun pengajaran telah ditonjolkan oleh seseorang penulis berdasarkan fungsi karya yang disampaikan. Oleh sebab itu, penilaian karya yang dilakukan oleh pembaca menjadi penanda aras kepada sejauh mana mesej yang ingin penulis sampaikan adakah hanya setakat penulisan di atas kertas ataupun lebih daripada itu serta kepentingan mesej dalam karya untuk diterapkan dalam kehidupan seharian. Mesej dan nilai yang berkesan dalam karya sastera mampu mempengaruhi jiwa pembaca. Dengan demikian, penulis perlu bijak menganalogikan unsur-unsur seperti alam semesta dan

diimplementasikan menggunakan bahasa dan perkataan yang indah dalam sesuatu karya seperti puisi moden.

Penulis dilihat bukan sahaja menggunakan kata kunci berunsur alam dalam sesebuah karya malah penulis yang bijak akan membangkitkan isu berkenaan alam dalam karya yang dihasilkan. Hal ini sudah tentu menambahkan keunikan dan keindahan sastera di mata masyarakat. Sohaimi Abdul Aziz (2014)¹ memetik pandangan Shahnnon Ahmad bahawa “Kesusasteraan ialah satu cabang kesenian yang berteraskan cinta; cinta kepada keindahan dan cinta kepada kebenaran “(Shahnnon, 1997)”.

Cinta kepada keindahan boleh merujuk kepada cinta kepada keindahan alam ciptaan tuhan. Menerusi novel *Renjong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Srengenge* serta *Tunggul-tunggul Gerigis* karya Shahnnon Ahmad telah memperlihatkan kecintaan yang mendalam terhadap alam sekitar. Isu tersebut menjadi perhatian Shahnnon Ahmad dalam menghasilkan karya disebabkan nilai kemanusiaan yang semakin menipis dalam diri masyarakat. Masyarakat kini sering dimomokkan dengan kehebatan teknologi moden namun apa yang terlihat kelestarian alam semakin terjejas.

Menurut Abdul Halim Ali (2011)², kesusasteraan dilihat sebagai wadah perlepasan perasaan yang tidak terkawal dalam bentuk kata-kata dan pengkaryaan terisi dengan perasaan membuak-buak di jiwanya yang sentiasa ‘memaksa’ supaya dilepaskan dari kepompong jiwa pengkaryaan. Bertitik tolak dari hal itu, penulis menggunakan medium karya sastera untuk melemparkan kata-kata kepada perosak kehijauan alam sekitar.

Unsur kosmos atau alam bukanlah satu unsur yang asing lagi dalam bidang kesusasteraan Melayu. Kebanyakan pengarang yang kreatif tidak memisahkan unsur kosmos dalam karya yang dihasilkan seperti yang terkandung dalam kebanyakan puisi moden, iaitu sajak. Kecintaan pengarang terhadap alam sekitar sudah tentu membuatkan karya yang dihasilkan bertambah istimewa untuk dibaca. Baris demi baris ayat yang menggunakan unsur alam secara eksplisitnya memaparkan pengarang yang mempunyai daya imaginatif berkait rapat dengan alam semula jadi. Hal ini bermaksud pengarang memanfaatkan persekitaran di sekeliling untuk menyampaikan sesuatu maksud.

Bakat pengarang menjadi semakin terserlah melalui penggunaan unsur kosmos dalam sesebuah karya. Kebolehan pengarang untuk mengadun unsur kosmos dengan isu-isu berkaitan kemanusiaan wajar diberi pujian. Hal ini demikian kerana kemampuan pengarang mencipta perkaitan tersebut bukanlah terhasil daripada daya fikiran sahaja malah berkait rapat dengan pengalaman dan pemerhatian dalam kehidupan bermasyarakat. Intelektual pengarang menambahkan keindahan susunan bahasa dalam karya. Dalam erti kata lain, kemahiran pengarang dalam berbahasa turut memainkan peranan penting di samping dapat memaparkan kreativiti pengarang dari segenap aspek penulisan.

Sejak dahulu lagi, karya sastera yang dihasilkan dilihat mampu mempengaruhi pemikiran pembaca. Tindak tanduk dan sahsiah diri seseorang juga boleh dipengaruhi melalui penulisan. Oleh sebab itu, kebanyakan pengarang mengambil peluang melalui medium penulisan untuk mencorak peribadi pembacanya. Sememangnya keperibadian dan perangai seseorang sukar untuk diubah namun sedikit sebanyak melalui penyampaian mesej dalam karya dapat memperelok perangai seseorang ke arah yang lebih positif dan optimis. Contoh yang paling dekat ialah pengarang itu sendiri yang menggunakan kata kunci berkaitan alam untuk menyampaikan sesuatu

maksud sama ada secara tersurat dan tersirat. Ini menunjukkan bahawa personaliti pengarang yang begitu cinta akan alam sekitar.

Penggunaan unsur kosmos sebagai kata kunci dalam sesebuah karya menunjukkan kepada masyarakat bahawa pengarang yang bukan sahaja berjiwa seni dalam berbahasa malah memiliki kesedaran tentang hubungan manusia dan alam, iaitu bagai isi dan kuku yang memiliki kepentingan antara satu sama lain.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti unsur kosmos dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* karya Muhammad Haji Salleh.
2. Menghuraikan unsur kosmos dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* karya Muhammad Haji Salleh berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci.

Persoalan Kajian

1. Apakah unsur kosmos yang terdapat dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* karya Muhammad Haji Salleh.
2. Bagaimanakah unsur kosmos dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* diuraikan berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya membincangkan unsur kosmos, iaitu unsur alam yang terdapat dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita*. Buku *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* (ITNM, 2009)³ karya penyair Melayu dari Taiping, Perak, Muhammad Haji Salleh menjadi tonggak perbincangan kajian ini. Kumpulan puisi ini mengandungi 57 buah puisi. Walau bagaimanapun daripada 57 buah puisi tersebut, terdapat 40 buah daripadanya dikesan mengandungi unsur kosmos. Antaranya puisi berjudul “Laut Merah”, “Setitik Air”, “Ratu Kelawar Pushkin”, “Di Pelabuhan”, “Pelayar”, “Laut Selalu di Sini” dan lain-lain lagi.

Selamat Pulang, Juita menyampaikan untaian puisi yang banyak menyampaikan mesej kepada pembaca supaya berusaha mempersiapkan diri menghadapi cabaran baharu yang bersifat global. Kebanyakan kata kunci yang digunakan dalam penghasilan bait-bait puisi *Selamat Pulang, Juita* memaparkan perkaitan dengan alam sekeliling. Oleh itu, teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah Teori Konseptual Kata Kunci yang merupakan cetusan idea oleh Mohamad Mokhtar Hassan.

Biodata Muhammad Haji Salleh

Penyair Muhammad Haji Salleh berasal dari Taiping, Perak. Kini beliau menetap di Taman Sekamat, 43000 Kajang, Selangor. Beliau dilahirkan pada 26 Mac 1942 dan mendapat didikan awal di High School Bukit Mertajam, Bukit Mertajam, Maktab Melayu Kuala Kangsar dan Malayan Teachers College, Brinsford Lodge, England (1963). Kerjayanya bermula sebagai seorang guru di Trade School Butterworth pada tahun 1960 dan kemudiannya meneruskan perkhidmatan perguruannya di beberapa buah sekolah hinggalah menjadi tutor, pensyarah, pensyarah kanan dan seterusnya menjawat beberapa jawatan akademik di universiti tempatan dan antarabangsa. Beliau juga pernah mencatat sejarah sebagai profesor termuda yang pernah dilantik ke jawatan itu pada tahun 1979 ketika berusia 37 tahun.

Muhammad Haji Salleh pernah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Selama 42 tahun, beliau pernah bertugas di USM, UKM dan UM. Selain bergiat aktif dalam negara beliau juga pernah dijemput mengajar di Amerika Syarikat, Brunei, Jerman dan Belanda sebagai profesor pelawat dan menerima *fellowship* dari beberapa buah universiti di Amerika Syarikat, Jepun serta Belanda.

Muhammad Haji Salleh telah menghasilkan kira-kira 15 koleksi puisi, 5 buah antologi sastera Malaysia dan 12 buku kritikan/teori dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hasil terjemahannya termasuklah 11 buku bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Kumpulan puisi dihasilkan Muhammad Haji Salleh termasuklah *Puisi-puisi Nusantara (antologi bersama)* (1981), *Pilihan Puisi Baru Malaysia-Indonesia (Peny.)* (1980), *Antologi Puisi ASEAN (antologi bersama)* (1983), *Bunga Gerimis* (1986), *Sajak-sajak Pendatang* (1973) dan lain-lain.

Selain penulisan puisi, Muhammad Haji Salleh juga menceburi bidang kritikan. Contohnya, *Kritikan Sastera di Malaysia (antologi bersama)* (1974), *Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan (antologi bersama)* (1976), *Penulisan Kreatif (antologi bersama)* (1980), *Cermin Diri* (1986) dan lain-lain.

Berdasarkan sumbangan beliau dalam bidang penulisan, maka tidak hairanlah beliau diangkat sebagai salah seorang sasterawan negara yang begitu unggul, iaitu pada tahun 1991.

Tinjauan Literatur

Terdapat dalam kajian-kajian lalu yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu membincangkan berkenaan dengan aspek kosmos atau alam, Muhammad Haji Salleh dan Teori Konseptual Kata Kunci.

Farah Izyan & Kamariah Abu Bakar (2019)⁴ telah menulis artikel yang bertajuk “Amalan kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah”. Tujuan artikel tersebut ditulis adalah untuk mengenal pasti tahap amalan kelestarian alam sekitar guru prasekolah, serta membuat perbandingan terhadap amalan kelestarian alam sekitar guru prasekolah semasa di rumah dan di tempat kerja. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik dan dianalisis berdasarkan peratusan kekerapan amalan kelestarian bagi 5 kategori amalan kelestarian alam sekitar, iaitu amalan 3R (reduce, reuse, recycle), amalan penggunaan produk mesra alam, amalan penggunaan tenaga, amalan penjimatan air dan amalan kemudahan pengangkutan. Hasil kajian mendapati

kekerapan amalan kelestarian alam sekitar guru prasekolah rendah belum mencapai tahap memuaskan. Selain itu, perbandingan antara amalan kelestarian alam sekitar guru semasa di rumah dan di sekolah didapati mempunyai perbezaan peratusan yang kecil. Walau bagaimanapun, artikel tersebut boleh ditambah baik dengan menguji keberkesanan penggunaan teknologi hijau di sekolah bagi meningkatkan amalan kelestarian alam sekitar guru prasekolah.

Selain itu, Saberi Muda & Mas Rynna Wati (2019)⁵ telah menulis artikel yang memperlihatkan sangkut paut antara alam dan kesusasteraan Melayu. Tajuk artikel tersebut ialah “Eko-Kritik dalam Puisi Melayu”. Artikel tersebut ditulis bagi mengetahui bagaimana penyair mengangkat isu alam sekitar dalam karya kreatif Marzuki Ali yang menjadi refleksi kepada pemikirannya yang bertunjang kepada alam sekitar. Kaedah kajian yang digunakan merupakan pendekatan eko-kritik. Dapatan kajian tersebut mendapati Eko-kritik dalam karya Marzuki Ali memperlihatkan kesungguhan, keberanian, keprihatinan dan fokus dalam isu-isu tersebut alam sekitar dan kehidupan warga rimba. Ekologi, etika ekilogikal dan bahasa yang menjadi elemen dalam eko-kritik jelas terkandung dan saling melengkapi dalam karya Marzuki Ali. Puisi-puisi tentang alam sekitar dan kelestarian hutan rimba yang mendominasi sebahagian besar karya Marzuki Ali dilihat wajar menobatkan beliau sebagai seorang aktivis alam sekitar yang berjuang melalui medium kesusasteraan. Namun begitu, pendekatan yang digunakan dalam artikel tersebut dilihat masih kurang jelas. Hal ini mungkin disebabkan pendekatan tersebut agak baru dan masih lagi kurang penggunaannya dalam bidang kritikan sastera di tanah air. Ulasan yang lebih lanjut berkenaan Eko-kritik perlu terutamanya dalam perkembangan kritikan sastera Melayu moden. Eko-kritikan juga perlu memfokuskan bagaimana sastera itu mampu menggalurkan hubung kait alam dengan manusia dan bukan manusia secara rinci.

Terdapat juga beberapa kajian berkenaan Muhammad Haji Salleh telah dilakukan oleh pengkaji di Malaysia. Antaranya ialah artikel yang bertajuk “Kepentingan individu: Mengupas sifat persona Muhammad Haji Salleh pada era 70-an” oleh Raihanah, Ruzy Suliza, & Shahizah Hamdan (2011)⁶. Analisis yang dilakukan ialah berkaitan bacaan koleksi puisi awal Muhammad Haji Salleh, *Time and its people (1978)*⁷ untuk mengupas sifat persona yang ditonjolkan dalam karyanya. Kerangka kontinum telah diterapkan dengan menekankan aspek sifat individu dalam persona tersebut. Hasil dari garapan ini, persona dalam puisi Muhammad Haji Salleh menunjukkan tiga aspek diri iaitu pertamanya, harga diri; kedua, kesedaran diri, dan ketiga, agensi diri. Berdasarkan klasifikasi begini, jelaslah persona awal dalam puisi awal Muhammad Haji Salleh bukan saja berorientasi individu malah mempunyai harga diri, kesedaran diri dan agensi diri yang jitu. Sungguhpun begitu, artikel ini boleh ditambah baik dengan memberi penjelasan berkenaan teori kontinum hubungkait yang dirujuk dan memasukkan kajian lepas bagi mengukuhkan hasil kajian yang diperoleh.

Penulisan artikel yang bertajuk “Puisi perjalanan-pengalaman penyair Malaysia di Rusia” oleh Siti Zainon Ismail (2008)⁸ turut memaparkan pengalaman daripada Muhammad Haji Salleh. Tujuan artikel tersebut ditulis adalah untuk mengetahui sejauh manakah perjalanan singkat ke Rusia telah menyerapkan makna sosio-budaya di dalam jiwa dan minda penyair. Siti Zainon Ismail telah melakukan analisis puisi kepada beberapa bahagian berdasarkan tema, iaitu yang pertama dari segi latar sejarah dan peristiwa politik manakala yang kedua ialah tokoh seniman. Analisis yang ketiga pula berkenaan suasana dan penggantian musim manakala yang keempat berkaitan kasih gelora persahabatan. Setiap bahagian yang dianalisis bukan sahaja memaparkan pengalaman Muhammad Haji Salleh tetapi juga beberapa penyair terkenal negara yang lain seperti Usman Awang dan Kemala. Walau bagaimanapun, artikel ini tiada kaedah kajian yang jelas dan

penambahbaikan boleh dilakukan dengan memaparkan jadual perbezaan pengalaman yang diperoleh setiap penyair semasa di Rusia. Seandainya spesifikasi berbentuk jadual dilakukan sudah tentu tidak berlaku kecelaruan antara satu maklumat dengan maklumat lain.

Nik Fazli & Samsina Abd Rahman (2015)⁹ pula telah menulis artikel yang bertajuk “Puisi-puisi Melayu tradisional dalam drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970) Karya Noordin Hassan”. Kaedah yang digunakan ialah kaedah keperustakaan, iaitu dengan mengumpul data dan menganalisis teks drama tersebut. Kajian tersebut dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis-jenis puisi Melayu dalam drama beliau yang bertajuk “Bukan Lalang Ditiup Angin (1970)”. Kajian ini juga menggunakan teori konseptual kata kunci yang diasaskan oleh Mokhtar Abu Hassan. Dapatan kajian mendapati dalam drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970) ini wujud keunikan dalam penghasilan dramanya yang menggunakan puisi Melayu tradisional sebagai isi jalan cerita. Berdasarkan kata kunci yang ditemui dalam puisi-puisi dalam drama tersebut dapat memperlihatkan konsepsi pengarang terhadap latar belakang beliau yang merupakan anak yang kematian ayahnya, seorang isteri yang merindui suaminya, kesusahan yang dihadapi oleh beliau semasa penjajahan Jepun dan didikan daripada ibunya serta nilai-nilai kemanusiaan yang didukung oleh pengarang sebagai seorang dramatis drama yang cintakan elemen tradisional. Pemilihan kata yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan puisi tersebut menjelaskan maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca. Namun begitu, artikel tersebut kurang memberi ulasan perkaitan teori yang digunakan dengan puisi Melayu tradisional. Perkaitan tersebut cuma dijelaskan sedikit pada akhir ulasan yang sepatutnya ditonjolkan oleh pengkaji seiring dengan ulasan yang diketengahkan.

Kajian yang menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci sebagai kaedah kajian juga terdapat dalam artikel oleh Arba'ie Sujud, Salihah Razak & Siti Rabiatal Adawiah (2015)¹⁰ yang bertajuk “Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad”. Tujuan artikel tersebut ditulis adalah untuk melihat pemikiran politik: pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnnon Ahmad, iaitu novel *Shit dan Patriarch* serta ingin melihat sejauh mana kepincangan dalam dunia politik akibat daripada sikap pemimpin. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, menganalisis kandungan teks dan pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci bagi menguatkan lagi hujah yang ingin disampaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pemikiran politik dalam novel Shahnnon Ahmad, iaitu pemikiran politik tentang pemimpin dan kepimpinan yang melihat kepada sikap pemimpin yang berperwatakan negatif dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Sungguhpun begitu, tujuan artikel tersebut ditulis kelihatan kabur pada bahagian abstrak yang sepatutnya ditulis dengan jelas dan tepat.

Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan yang tersendiri sama ada untuk masyarakat, pengkaji sendiri serta pengkaji-pengkaji lain. Hasil kajian ini penting untuk:

- a) Untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat berkenaan dengan unsur kosmos dalam karya sastera.
- b) Untuk mengetengahkan keunggulan penulisan puisi sasterawan negara, iaitu Muhammad Haji Salleh.
- c) Untuk menambah dokumentasi berkenaan kajian ini.
- d) Untuk memberikan maklumat kepada pengkaji akan datang berkenaan Teori Konseptual Kata Kunci.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan. Kaedah kajian ini dipilih kerana sumber data kajian adalah dalam bentuk kepustakaan yang merujuk kepada analisis kandungan, iaitu kumpulan puisi “Selamat Pulang, Juita” hasil karya Muhammad Haji Salleh. Perpustakaan yang diberi tumpuan ialah Perpustakaan Tuanku Bainun. Perpustakaan ini telah menjadi tempat utama pengkaji untuk mencari bahan rujukan dan maklumat sekaligus membantu pengkaji mendapatkan gambaran yang jelas mengenai prinsip, konsep, dan kaedah kajian. Sumber bertulis ilmiah yang lain seperti tesis, ensiklopedia, laporan penyelidikan, kertas kerja seminar dan lain-lain juga digunakan untuk mendapat data yang bersesuaian atau relevan dengan topik yang ingin dikaji. Tambahan pula, kaedah kajian ini menggunakan pendekatan teori Konseptual Kata Kunci dan aspek isi kandungan yang dianalisis ialah puisi yang mengandungi kata kunci berunsur kosmos.

Kajian dimulakan dengan mencari buku kumpulan puisi “Selamat Pulang, Juita” hasil karya Muhammad Haji Salleh. Sungguhpun buku ini mengandungi 57 buah puisi namun hanya 5 buah puisi dianalisis yang berkaitan dengan unsur kosmos. Hal ini bagi memudahkan proses penyempurnaan kajian ini. Selain itu, pengkaji telah membuat beberapa rujukan di internet untuk mencari data tambahan mengenai teori yang boleh dikaitkan dengan kajian ini. Pencarian maklumat secara maya dilakukan dengan menggunakan laman sesawang yang berkaitan seperti jurnal Melayu, *Gema Online*, *google* dan beberapa laman web lain yang berkaitan. Ternyata carian menggunakan kaedah jaringan internet bukan sahaja dapat membantu menyempurnakan kajian ini malah pengkaji mendapati pelbagai maklumat tambahan lain yang berilmiah turut boleh diakses tanpa terbatat.

Konsep analisis kajian ini berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci yang dipelopori oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Penggunaan teori ini bertujuan menemukan konsep-konsep asas yang mendasar idea teks dan pengarang, iaitu dapat dilihat menerusi kata kunci dalam karya yang dihasilkan.

Teori Konseptual Kata Kunci

Teori Konseptual Kata Kunci yang menjadi kerangka teoritis dalam kajian ini dicipta oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Sebagaimana teori kesusasteraan yang lain, teori ini juga memiliki prinsipnya yang tersendiri. Teori Konseptual Kata Kunci memiliki tiga prinsip utama, iaitu prinsip kepengaruhan, prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan. Abdul Halim Ali (2011)² memetik pandangan Mohamad Mokhtar Abu Hassan bahawa “Prinsip kepengaruhan yang menjadi prinsip pertama dalam teori ini berhubung dengan faktor-faktor ekstrinsik pengarang seperti latar belakang pengarang, pendidikan, kerjaya, budaya, adat dan kepercayaan, pemerhatian, pergaulan, pembacaan, ideologi, aspirasi dan visinya” (Mokhtar Abu Hassan, 2007)¹¹. Pengarang yang bergiat aktif dalam dunia penulisan akan selalu berusaha menampilkan seni tulisan yang indah. Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan diksi dalam karya yang sebenarnya menjadi simbol untuk mencerminkan konsep atau idea utama pengarang kepada pembaca. Tidak hairanlah, prinsip pemilihan kata dipilih sebagai prinsip kedua dalam Teori Konseptual Kata Kunci manakala prinsip ketiga, iaitu prinsip kesan berhubung dengan implikasi yang ditinggalkan oleh teks dalam diri pembaca (Mokhtar Abu Hassan & Rajeswari S.R., 2015)¹². Oleh itu, pembaca turut mempunyai peranan penting berdasarkan prinsip ketiga dalam Teori Konseptual Kata Kunci.

Gabungan ketiga-tiga prinsip dalam Teori Konseptual Kata Kunci adalah untuk mengenal pasti konseptualisasi pengarang berhubung dengan sesuatu konsep. Sehubungan dengan itu, dalam konteks kajian ini, Teori Konseptual Kata Kunci digunakan untuk mengenal pasti dan menghuraikan unsur kosmos dalam kumpulan puisi “Selamat Pulang, Juita” karya Muhammad Haji Salleh. Berikut merupakan huraian ringkas tiga prinsip dalam Teori Konseptual Kata Kunci yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Hassan, iaitu Kepengaruhan, Pemilihan Kata dan Kesan.

Kepengaruhan

Prinsip kepengaruhan ini berhubung dengan pengarang. Dalam prinsip ini, konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, hal atau perkara sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi dan politik (Mokhtar Abu Hassan, 2007)¹¹. Tambah Mokhtar Abu Hassan lagi, faktor umur, masa dan peredaran zaman juga turut memainkan peranan dalam menentukan konsepsi seseorang pengarang itu. Oleh sebab itu, latar belakang pengarang dan hal-hal yang berkaitan dengannya perlu diteliti secara lebih mendalam oleh pengkaji. Pemahaman mengenai konseptual pengarang terhadap perkara yang ingin disampaikan juga dapat diketahui dengan lebih lanjut melalui penelitian dari segi unsur intrinsik dan ekstrinsik seseorang pengarang.

Pemilihan Kata

Jika prinsip pertama berkaitan dengan pengarang manakala prinsip kedua pula berhubung dengan karya sastera. Dalam prinsip ini, pengarang akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu hal, isu, perkara, objek dan sebagainya (Mokhtar Abu Hassan, 2007)¹¹. Tambah Mokhtar Abu Hassan, pemilihan kata-kata bagi sesuatu konsep dalam sesebuah karya sastera mungkin diungkapkan melalui kata-kata konkrit ataupun abstrak atau gabungan kedua-duanya sekali. Sebagai contoh, konsep kaya jika kata konkrit, pengarang mungkin akan menggunakan kata-kata seperti ‘harta’, ‘wang’, dan ‘emas’. Bagi kata-kata abstrak pula, pengarang mungkin akan menggunakan kata seperti ‘lautan kemewahan’ dan ‘durian runtuh’.

Kesan

Golongan pembaca menjadi golongan yang terlibat dalam prinsip kesan, iaitu prinsip terakhir dalam Teori Konseptual Kata Kunci. Setiap hasil karya pengarang memiliki konsepsinya yang tersendiri. Ini dapat dilihat melalui pemilihan kata yang digunakan. Konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, perkara, hal dan sebagainya ini pula dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang (Mokhtar Abu Hassan, 2007)¹¹. Menurut Mokhtar Abu Hassan lagi, kejayaan menemui konseptual seseorang pengarang itu akan terhasil apabila konseptual yang dikemukakan oleh pembaca menyamai konseptual pengarang.

Unsur kosmos dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* karya Muhammad Haji Salleh berdasarkan Konsep Ketenangan

Dengan meneliti kekerapan penggunaan diksi dalam bentuk kata kunci dan simbol dalam sesebuah teks, konseptualisasi seseorang individu berhubung dengan sesuatu konsep dapat dikenal pasti. Dalam konteks kumpulan puisi *Selamat Pulang, Juita*, antara konseptualisasi Muhammad Haji Salleh yang telah dikenal pasti ialah ketenangan. Unsur kosmos atau alam sering kali dikaitkan suasana yang penuh kedamaian dan keamanan. Oleh sebab itu, manusia sering mencari ketenangan daripada alam terutama apabila hati sedang gelisah dan kecewa. Konseptualisasi ini dikenal pasti dalam kumpulan puisi *Selamat Pulang, Juita* melalui penggunaan kata kunci “awan”, “laut”, “kakilangit”, “pantai”, “gigi air”, “ombak”, dan simbol “matahari”. Bukti penggunaan kata kunci tersebut boleh ditemukan dalam contoh petikan puisi bertajuk *Decoud* seperti berikut:

sudah sebelas hari aku hidup
di awan laut dan kakilangit ini
menunggu kepulangan yang dijanjikan.

jikalau tiada ombak
abadilah kesepian ini,
menegang telingaku.
timur ke barat ke timur ialah laut,
tenang di bawah matahari masam.


(*Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita*, 2009, hlm. 24)

Selain puisi *Decoud*, terdapat juga puisi lain dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* yang mengetengahkan konseptualisasi ketenangan, iaitu dalam puisi *Hujan Malam*. Konseptualisasi ini dikenal pasti melalui penggunaan kata kunci “hujan”, “malam”, “tasik”, “daun”, dan simbol “pantai”. Petunjuk penggunaan kata kunci tersebut tertera dalam contoh di bawah ini:

sebuah tasik malam
yang memanjang dari gelap
hingga pesisir kesedaran
kuseberangi dengan kapal hujan.
rintik pada daun menderukan gerak,
membawaku ke arah sayup,
tiada pantai

(*Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita*, 2009, hlm. 126)

Kata kunci berunsur kosmos yang digunakan dalam kedua-dua petikan contoh puisi boleh dilihat dalam *Rajah 1* yang berikut:



Rajah 1: Kata kunci unsur kosmos berdasarkan konsep ketenangan

Kata kunci “awan”, “laut”, “kakilangit”, “pantai”, “gigi air”, “ombak”, “matahari”, “hujan”, “malam”, “tasik”, dan simbol “daun” ialah simbolik unsur kosmos kepada konsep ketenangan yang disampaikan oleh Muhammad Haji Salleh dalam puisi *Decoud* dan *Hujan Malam*. Melalui petikan puisi *Decoud* dapat diketahui perasaan yang diketengahkan penyair ialah perasaan yang gundah gulana dalam kesepian. Namun penyair begitu kreatif membalut rasa tersebut dengan unsur kosmos, iaitu sebagai satu teknik menyampaikan ketenangan melalui alam. Konseptualisasi Muhammad Haji Salleh berhubung dengan konsep ketenangan dipengaruhi oleh unsur-unsur ekstrinsik khususnya pengalaman, pembacaan dan pemerhatian. Hajijah Jais (2004: 51)¹³ menyatakan bahawa cetusan idea boleh didapati melalui sumber pengalaman. Muhammad Haji Salleh pernah menjadi Timbalan Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pengarah Institut Bahasa, Kebudayaan Kesusasteraan Melayu. Jadi tidak hairanlah jika nukilan puisi beliau bukan sahaja dilihat memaparkan perkaitan unsur fizikal dan abstrak malah dikaitkan juga dengan unsur kosmos. Oleh hal yang demikian, pengalaman penyair membentuk konseptualisasi beliau berhubung dengan konsep ketenangan.

Unsur kosmos dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* karya Muhammad Haji Salleh berdasarkan Konsep Perjalanan Hidup yang Sementara

Kehidupan di dunia ini tiada yang kekal. Hatta tumbuh-tumbuhan dan haiwan juga mati apabila tiba masanya. Bertitik tolak dari perkara tersebut, dalam kumpulan puisi *Selamat Pulang, Juita*, Muhammad Haji Salleh dilihat telah menggunakan konseptualisasi perjalanan hidup yang sementara dalam beberapa buah puisi. Hal ini menjadi lebih unik dan menarik apabila penyair mengaitkan unsur kosmos seperti tumbuh-tumbuhan dengan konsep yang ingin diketengahkan. Konseptualisasi ini dikenal pasti dalam kumpulan puisi *Selamat Pulang, Juita* melalui penggunaan

kata kunci “buluh”, “cempaka”, “bidara”, “kenanga”, dan simbol “bunga”. Contoh penggunaan kata kunci tersebut boleh ditemukan dalam petikan puisi bertajuk *Tiada Lagi Dunia* seperti yang berikut:

selamat tinggal, nenekku.
kau akan dijaga oleh kebaikanmu,
diawasi oleh anak dan cucu
yang melihat perjalananmu.
buluh dan cempaka,
bidara dan kenanga,
kenal kelembutanmu.
wangi bunga ialah hakmu,
warna jasad alam mengelilingimu.

(*Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita, 2009, hlm. 2*)

Berdasarkan contoh petikan puisi berikut, dapat diketahui bahawa watak nenek telah meninggal dunia. Penyair telah menganalogikan kematian nenek dengan penggunaan kata kunci berunsur kosmos, iaitu flora seperti “cempaka”, “bidara”, dan “kenanga” yang juga akan layu dan mati apabila tiba waktunya. Hal ini bertepatan dengan konseptualisasi perjalanan hidup yang sementara.

Puisi *Sementara* juga antara puisi dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita* yang mengetengahkan konseptualisasi perjalanan hidup yang sementara. Ini dikukuhkan lagi dengan tajuk puisi itu sendiri, iaitu *Sementara*. Konseptualisasi ini dikenal pasti melalui penggunaan kata kunci “hutan”, “batu”, “bukit”, “daun”, “ranting”, “tanah”, “rumput” dan simbol “paya”. Bukti penggunaan kata kunci tersebut dalam puisi *Sementara* adalah seperti contoh yang berikut:

di sisi hutan
dan julangan batu
semua jalan sementara,
di sisi mega bersih
dan bukit yang berpeta kurun
semua pengembara sementara.

dalam suatu musim
daun dan ranting menagih pinjaman tanah,
bekas sepatu pendaki
di rumput paya batu
hanya tinggal gambar ingatan.

(*Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita, 2009, hlm. 16*)

Berdasarkan contoh petikan puisi di atas, jelaslah bahawa penyair menekankan kata “sementara” rangkap 1 dan 2 sesuai dengan tajuk puisi itu sendiri. Hal ini dikukuhkan lagi dengan penggunaan unsur kosmos yang penyair nyatakan juga bersifat sementara seperti dalam rangkap 1.

Selain puisi *Sementara* dan puisi *Tiada Lagi Dunia*, puisi *Alun Dalam* juga memaparkan konseptualisasi perjalanan hidup yang sementara. Konseptualisasi ini dikenal pasti melalui

penggunaan kata kunci “pantai”, “batu”, dan simbol “angin”. Contohnya seperti dalam petikan puisi di bawah:

alun dalam
berdebur
pada batu pantai nyata
kerana sampiran
menjemput kita
menemui makna

angin mengangkut sejarah
mengusapnya pada muka
semua yang berumah di pantai,
erti gerak waktu
menyatakan bahawa kita sementara
dan tipis makna

(*Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita, 2009, hlm. 28*)

Berdasarkan petikan di atas, dapatlah diketahui bahawa penyair kaitkan kata kunci unsur kosmos dengan masyarakat yang tinggal di pantai. Umum mengetahui bahawa ombak pantai tidak seindah yang disangka kerana sekali ombak pantai mengganas maka banyak nyawa akan kehilangan hatta pantai itu sendiri akan berubah. Penyair sebenarnya menyatakan bahawa kehidupan di dunia ini tidak kekal dan ini dikukuhkan lagi dengan baris kedua terakhir dalam puisi di atas. Oleh itu, gabungan unsur kosmos dan konseptualisasi penyair mempunyai makna tersurat dan tersirat.

Kata kunci berunsur kosmos yang digunakan dalam ketiga-tiga petikan contoh puisi boleh dilihat dalam *Rajah 2* berikut:



Rajah 2: Kata kunci unsur kosmos berdasarkan konsep perjalanan hidup yang sementara

Kata kunci “buluh”, “cempaka”, “bidara”, “kenanga”, “bunga”, “hutan”, “batu”, “bukit”, “daun”, “ranting”, “tanah”, “rumput”, “paya”, “pantai” dan simbol “angin” ialah simbolik unsur kosmos kepada konsep perjalanan hidup yang sementara dalam puisi *Tiada Lagi Dunia, Sementara* dan *Alun Dalam*. Melalui petikan puisi *Tiada Lagi Dunia* dapat diketahui penggunaan kata kunci “buluh”, “cempaka”, “bidara”, “kenanga”, dan simbol “bunga” berkaitan wanita, iaitu watak nenek. Bunga-bunga juga sering dikaitkan dengan bau wangi yang lembut. Hal ini telah diungkapkan secara simbolik oleh penyair untuk sifat nenek yang begitu lembut dan akan kekal diingati oleh anak cucunya. Sesuai dengan tajuk *Tiada Lagi Dunia*, idea penyair ialah berteraskan kehidupan di dunia hanya sementara begitu juga alam semesta ini.

Konseptualisasi penyair berkenaan perjalanan hidup yang sementara juga dapat dilihat dalam puisi berjudul *Sementara*. Hal ini disentuh penyair dengan menghubungkaitkan dengan unsur kosmos seperti bukit yang dikatakan walaupun bukit telah lama wujud namun, ianya juga bersifat sementara. Seterusnya penyair telah menghasilkan puisi menggunakan unsur kosmos yang berkait juga dengan kehidupan yang bersifat sementara, iaitu dalam puisi *Alun Dalam*. Penggunaan kata kunci “pantai” pada baris ketiga rangkap terakhir dilihat berkaitan dengan pepatah, “Jika takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai”. Walau bagaimanapun, maksud tersirat penyair ingin sampaikan ialah berkenaan dengan hidup yang hanya bersifat sementara dan ini jelas terbukti berdasarkan penggunaan kata sementara pada baris kedua terakhir dalam rangkap ketiga puisi tersebut. Sesungguhnya, pembentukan konseptualisasi Muhammad Haji Salleh dilihat dipengaruhi oleh perjalanan hidup beliau, pengalaman dan pemerhatian sama ada melalui media cetak atau media elektronik.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, kumpulan puisi *Selamat Pulang, Juita* oleh Muhammad Haji Salleh memiliki konseptualisasi yang begitu unik dan menarik untuk dikupas oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana penyair dilihat menghubungkan konseptualisasi dengan kata kunci berunsur kosmos atau alam. Kata kunci yang digunakan menjadi lambang untuk mendalami maksud tersurat dan tersirat puisi. Makna yang diperoleh sangat berguna untuk pembaca terapkan dalam kehidupan seharian terutama dalam bersosial (Maraya, R., & Maniam, K., 2018)¹⁴. Misalnya melalui konsep ketenangan dalam puisi *Decoud* dan *Hujan Malam*, penyair mahu pembaca menjaga kelestarian alam sekitar dengan cuba mendekati alam yang sememangnya memberi sejuta ketenangan. Sekiranya alam mengalami kemusnahan akibat ketamakan dan kerakusan manusia itu sendiri nescaya kehidupan pada masa depan menjadi suram dan kelam. Pembaca harus mengambil iktibar dengan pelbagai kejadian bencana alam yang terjadi pada zaman moden ini. Alam ciptaan Tuhan perlu dijaga dan dipelihara sebaik yang mungkin. Kesedaran dan sifat tanggungjawab penyair dalam mengetengahkan konseptualisasi ketenangan menggunakan kata kunci unsur kosmos sememangnya wajar diberi pujian.

Sesungguhnya konseptualisasi penyair timbul berdasarkan lingkaran kehidupan dan pengalaman penyair itu sendiri. Medium penulisan puisi sememangnya tidak asing lagi bagi penyair untuk menyampaikan mesej terutama berkaitan kehidupan. Oleh sebab itu, dalam penulisan karya kreatif penyair tidak mengkesampingkan unsur kosmos kerana manusia dan alam saling bergantung sejak dahulu lagi.

Rujukan :

1. Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan kritikan sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Abdul Halim Ali. (2011). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Selangor: Persatuan Penulisan Budiman Malaysia.
3. Muhammad Haji Salleh. (2009). *Selamat Pulang, Juita*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
4. Farah Izyan & Kamariah Abu Bakar. (2019). Amalan kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15 (2), 15-30
5. Saberi Muda & Mas Rynna Wati. (2019). Eko-Kritik dalam puisi Melayu. *Akademika*, 89 (Isu Khas/Special Issue), 29-39
6. Raihanah, Ruzy Suliza, & Shahizah Hamdan. (2011). Kepentingan individu: Mengupas sifat persona Muhammad Haji Salleh pada era 70-an. *Jurnal Melayu*, 8, 51-66
7. Muhammad Haji Salleh. (1978). *Time and Its People*. Kuala Lumpur: Heinemann educational Books (Asia) Ltd.
8. Siti Zainon Ismail. (2008). Puisi perjalanan - pengalaman penyair Malaysia di Rusia. *Jurnal Melayu*, 3, 1-22
9. Nik Fazli & Samsina Abd Rahman. (2015). Puisi-puisi Melayu tradisional dalam drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970) Karya Noordin Hassan. *Journal of Business and Social Development*, 3 (1), 33-42
10. Arba'ie Sujud, Salihah Razak & Siti Rabiatul Adawiah (2015). Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3 (1), 67-78

11. Mokhtar Abu Hassan. (2007). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
12. Mokhtar Abu Hassan & Rajeswari S.R. (2015). Konsep perjuangan Anwar Ridhwan dalam novel penyeberang sempadan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 141-166
13. Hajijah Jais. (2004). Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan Terhadap Teori Teksdealisme. *Tesis Ijazah Sarjana*, Jabatan Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
14. Maraya, R., & Maniam, K. (2018). Women's imagery in R.Kartigesu's novel: 'Vahnathu Veligal' [Citra wanita dalam novel R.Kartigesu: 'Vahnathu Veligal']. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 277-285. Diperoleh daripada <https://mjsshonline.com/index.php/journal/article/view/73>